

HAK ANAK TERHADAP NAFKAH DALAM PERUNDANGAN ISLAM: SEJAUH MANAKAH BAPA BERTANGGUNGJAWAB MENANGGUNG NAFKAH ANAKNYA¹

Badruddin Hj. Ibrahim
badruddin@iiium.edu.my

Azizah Mohd
azizahmohd@iiium.edu.my

Kuliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Abstrak

Hubungan antara anak dengan ibu bapa dari aspek undang-undang mewujudkan pelbagai hak dan tanggungjawab. Hak ini merangkumi hak yang berkaitan dengan diri dan harta anak tersebut. Hak anak ini seperti keperluan terhadap keibubapaan, penyusuan, perlindungan dan penjagaan, perwalian, nafkah, dan pewarisan. Makalah ini akan meneliti isu yang berkaitan dengan hak anak terhadap nafkah dan keadaan yang melayakkan mereka untuk mendapat nafkah di bawah undang-undang Islam. Perbincangan merangkumi peruntukan undang-undang Islam dan pemakaiannya dalam Akta Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia. Makalah ini seterusnya akan mengkaji sejauh manakah bapa bertanggungjawab dalam menyediakan nafkah anak selari dengan kehendak syarak dan tuntutan semasa; dan bilakah tanggungjawab tersebut berpindah kepada kerabat terdekat.

Kata Kunci: nafkah, hak anak, tanggungjawab bapa, perundangan Islam, perundangan Malaysia

Abstrak

The legal relationship between parents and children creates various rights and responsibilities. These rights are inclusive of rights in relation to person and property of the children. Those rights are for example, rights to parenting, breastfeeding, protection and guardianship, custody, maintenance and inheritance. This article will examine issues relating to children's rights to maintenance in general under Islamic law and situations that make them qualified to maintenance. Examination extends to provision of Islamic law

¹ Kajian ini dibiayai oleh Pusat Pengurusan Kajian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

that is applicable in Malaysia and its application in Islamic Family Law (Act). This paper will further examine the extent of the father's responsibility in providing maintenance to his children in line with the will of the Shari'ah and present demand; and in what situations this responsibility transfers to the next of kin.

Keywords: maintenance, children's rights, Islamic law, Malaysian law

PENDAHULUAN

Anak merupakan hasil daripada hubungan antara suami dengan isteri. Kelahiran anak daripada perkahwinan yang sah secara semula jadinya merupakan suatu rahmat, kerana kedatangan ahli baharu dalam keluarga pastinya akan menyerikan lagi kehidupan berkeluarga serta mengukuhkan atau mengeratkan lagi hubungan antara ahlinya, yang diikuti dengan “kelahiran” generasi yang akan mewarisi kedua-dua ibu bapa. Pada hakikatnya, Islam menganggap anak sama seperti harta, iaitu sebagai perhiasan dalam kehidupan. Perkara ini jelas disebut dalam al-Quran yang bermaksud, “Harta dan anak-anak adalah perhiasan kehidupan dunia.”²

Sebelum mencapai umur baligh,³ anak-anak adalah lemah dari segi fizikal dan kurang matang pula dari aspek mental. Mereka sudah tentu tidak mampu menguruskan diri atau mencari nafkah dan membiayai sara hidup mereka sendiri. Untuk tujuan itu, mereka benar-benar memerlukan bantuan orang lain dari sudut penjagaan fizikal, moral dan bantuan kewangan. Sokongan dan bantuan daripada keluarga amat diperlukan untuk kelangsungan hidup dan kesejahteraan mereka. Oleh itu, kebanyakan undang-undang di dunia, termasuklah undang-undang Islam telah mengiktiraf dan menetapkan pelbagai hak dan tanggungjawab yang berkaitan dengan hubungan antara kanak-kanak dengan ibu bapa. Salah satu hak asasi yang penting bagi kanak-kanak ialah nafkah.

ASAS HAK ANAK-ANAK TERHADAP NAFKAH MENURUT UNDANG-UNDANG

Secara umumnya, dalam istilah undang-undang Islam, nafkah memberikan maksud apa-apa yang dibelanjakan oleh seseorang untuk isteri, anak-anak, dan

2 Al-Quran, al-Kahfi (18): 46

3 Baligh menandakan seseorang itu telah melepasi umur kanak-kanaknya. Para fuqaha berpendapat, kanak-kanak mencapai umur baligh apabila terdapat padanya beberapa tanda seperti mimpi basah bagi lelaki, keluar haid dan mengandung bagi perempuan. Lihat Qadi Zadah Afandi, Shams al-Din Ahmad ibn Qudir, *Nataij al-afkar fi kashf al-rumuz wa al-asrar (Takmilah fath al-qadir)*, Jilid 9, t.t., hlm. 269. Lihat juga al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya ibn Sharaf, *Rawdat al-Talibin*, Ed. 'Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud & 'Ali Muhammad Mu'awwad, Jilid 3, t.t., hlm. 444.

juga ahli keluarganya dan meliputi makanan, pakaian, serta tempat tinggal.⁴ Para fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa kanak-kanak merupakan antara kumpulan yang berhak terhadap nafkah menurut undang-undang Islam.⁵ Kelayakan terhadap nafkah ini berasaskan hubungan persaudaraan yang diasaskan pada pertalian darah serta keturunan.⁶ Perkara ini juga menjadi salah satu sebab bagi seseorang itu berhak dan layak menerima nafkah.⁷ Asas bagi hak nafkah ini bersandarkan dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam al-Quran ada menyebut:

“Para ibu hendaklah menyusukan anak-anaknya selama dua tahun penuh, iaitu bagi yang ingin menyempurnakan penyusuan, dan kewajipan ayah memberikan makan dan pakaian...”⁸

Ayat di atas secara jelas menyebut bahawa nafkah hendaklah disediakan bagi ibu yang sedang menyusui anaknya. Hal ini jelas membuktikan bahawa anak, melalui ibu mereka, berhak menerima nafkah semasa tempoh penyusuan, iaitu menerusi penyusuan. Ketika mengulas ayat ini, al-Qurtubi menyebut:

“Allah SWT menyebut nafkah anak di sini dengan menggunakan nama ibu disebabkan makanan diberikan kepada anak melalui penyusuan.”⁹

Hak anak-anak terhadap nafkah ini diteguhkan lagi oleh hadis daripada Rasulullah SAW:

Aishah meriwayatkan bahawa Hind binti ‘Utbah, iaitu isteri kepada Abu Sufian telah datang menemui Rasulullah dan berkata, “Abu Sufian seorang yang kedekut. Dia tidak menyediakan nafkah yang mencukupi untuk diriku dan anak-anakku tetapi (aku terpaksa) mengambil (sebahagian) hartanya tanpa pengetahuan beliau. Adakah aku berdosa? Rasulullah terus berkata: ambillah daripadanya apa-apa yang menjadi kebiasaan yang mencukupi bagimu dan anak-anakmu.”¹⁰

4 Al-Ghundur, Ahmad, 1413H/1992. *al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Tashri' al-Islami*. Edisi Keempat. Maktabat al-Fallah: Kuwait, hlm. 424.

5 Al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr, *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*, Dar al-Salam, Kaherah, 1420H/2000, Jilid.3, hlm. 653; al-Hattab Abi Abdullah Muhammad ibn Muhammad ibn Abd al-Rahman, *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar Khalil*, Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1416/1995, Jilid 6, hlm. 588; al-Imrani, Abi al-Husayn Yahya ibn Abi al-Khayr ibn Salim, *al-Bayan fi Madhhab al-Imam al-Shafi'i*, Dar al-Minhaj, Jeddah, t.t., Jilid 11, hlm. 245; al-Bahuti, Mansur ibn Yunus ibn Idris, *Kashshaf al-Qina'*, Dar al-Fikr, Beirut, 1402/1982, Jilid 5, hlm. 281; Ibn Qudamah, Jilid 7, hlm. 389.

6 Lihat: Badruddin Hj Ibrahim dan Azizah Mohd, “Hak Ibu bapa terhadap Nafkah dalam Perundangan Islam” dlm. *KANUN* 24 :1, Jun, hlm. 25-26, 2012.

7 Dua sebab lain ialah perkahwinan dan pemilikan hamba. Walau bagaimanapun, sebab yang ketiga tidak akan dikupas dalam kertas ini. Lihat: Badruddin Hj Ibrahim dan Azizah Mohd, h. 25-26; Lihat juga Kharofa, *Ala'eddin, Islamic Family Law: A Comparative Study With Other Religions*, International Law Book Services, Malaysia, 2004, hlm. 95.

8 Al-Quran, al-Baqarah (2): 233

9 Al-Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, 1416H/1995. *al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Dar Ihya' al-Turath al-Arabi, Beirut, Jilid 3, hlm. 163.

10 Riwayat al-Bukhari dan Muslim

KELAYAKAN ANAK-ANAK TERHADAP NAFKAH

Perbincangan di atas mewujudkan peraturan bahawa anak-anak berhak mendapat nafkah. Namun demikian, timbul persoalan sama ada kelayakan bersifat mutlak atau tertakluk pada syarat tertentu.

Prinsip yang ditetapkan dalam undang-undang Islam berkenaan dengan nafkah ialah seseorang yang memiliki harta dan mempunyai kemampuan untuk menyediakan nafkah hendaklah menyediakan nafkah tersebut dengan membelanjakan hartanya sendiri. Seseorang itu tidak layak menerima nafkah yang diberikan oleh seseorang yang lain hatta daripada bapa atau anaknya melainkan dalam situasi seorang isteri yang wajib diberikan nafkah oleh suaminya.¹¹

Secara umumnya, kelayakan seseorang termasuklah anak terhadap nafkah di bawah undang-undang Islam berdasarkan keperluan, kecuali bagi kes seorang isteri. Isteri secara mutlak berhak terhadap nafkah tanpa mengira sama ada dirinya miskin ataupun sebaliknya, iaitu seorang yang kaya-raya. Hal ini demikian kerana kelayakan isteri terhadap nafkah bukan disebabkan keperluan tetapi kedudukannya yang berada di bawah tanggungan suaminya.¹²

Pada dasarnya, ulama sepakat mengatakan bahawa anak yang berhak memperoleh nafkah terdiri daripada anak yang tidak mempunyai harta untuk menanggung diri mereka sendiri dan juga tidak mampu untuk mencari sumber pendapatan bagi menyara kehidupannya.¹³ Berdasarkan kedua-dua syarat penting ini, ulama bersepakat bahawa anak, sama ada lelaki atau perempuan, berhak memperoleh nafkah secara mutlak sekiranya mereka tidak mempunyai harta.¹⁴ Dalam situasi sedemikian, mereka amat memerlukan sokongan untuk meneruskan kehidupan dan tentunya tidak mampu untuk menyara kehidupan mereka sendiri.

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (AUUKI)¹⁵ tidak meletakkan apa-apa syarat bagi anak untuk memperoleh nafkah. Walau bagaimanapun di Malaysia, dalam pemberian hak nafkah terhadap anak, mahkamah akan mengambil kira syarat yang telah dinyatakan. Sebagai contoh dalam kes *Faridah Hanim Iwn Abd. Latiff*,¹⁶

11 Al-Sarakhsi, al-Mabsut, Jilid 5, hlm. 210; Sha'ban, Zakiy al-Din, *al-Ahkam al-Sha'iyah li Ahwal al-Shakhsiyah*. Edisi Keenam, Qaryunus University, Benghazi, 1993, hlm. 676.

12 Sha'ban, hlm. 676; al-Syalabi, Muhammad Mustafa, *Ahkam al-Ussrah fi al-Islam*, Edisi Kedua, Dar al-Nahdah al-Arabiyyah, Beirut, 1397H/1977.

13 Al-Zayla'i, Fakhrudin Uthman ibn Ali, *Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1420H/2000, Jilid 3, hlm. 325 & 329-30; al-Hattab, Jilid 6, hlm. 588; al-Imrani, Jilid 11, hlm. 252; al-Zarkashi, Sham s al-Din Muhammad ibn Abdullah, *Sharh al-Zarkhshi ala Mukhtasar al-Khiraqi*, Maktabah al-'Ubaykan, Riyadh, 1413/1993, Jilid 6, hlm. 11.

14 Al-Zayla'i, *Tabyin al-Haqa'iq*, Jilid 3, hlm. 325; al-Hattab, Jilid 6, hlm. 588; al-Imrani, Jilid 11, hlm. 252; Al-Bahuti, Jilid 5, hlm. 481; Ibn Qudamah, Jilid 7, hlm. 387.

15 Akta 303.

16 (2006) 22 JH(I) 27.

mahkamah dalam kes ini telah menyebut keadaan yang membolehkan anak berhak mendapat nafkah; iaitu apabila mereka tidak mempunyai harta dan tidak mampu untuk memperoleh pendapatan, miskin, serta tidak berkeupayaan menanggung diri mereka sendiri. Mahkamah juga menekankan bahawa individu yang dianggap tidak berupaya termasuklah, anak kecil atau anak yang berada di bawah umur baligh, anak gadis yang belum berkahwin serta anak yang masih belajar.¹⁷ Dalam kes yang hampir serupa, iaitu kes *Azura lwn Mohd Zulkefli*,¹⁸ mahkamah telah mengambil kira syarat kelayakan anak terhadap nafkah sebagai alasan penghakiman dalam perintah nafkah.¹⁹

TEMPOH ANAK BERHAK MENERIMA NAFKAH

Ulama tidak mencapai kata sepakat berhubung dengan tempoh anak berhak memperoleh nafkah. Ulama Mazhab Hanafi dan Maliki membezakan antara anak lelaki dengan anak perempuan. Bagi anak perempuan, kedua-dua mazhab bersetuju bahawa hak anak perempuan terhadap nafkah berakhir apabila dia telah berkahwin²⁰ disebabkan secara tabiinya mereka tidak mampu menyara kehidupan.²¹ Walau bagaimanapun, ulama kedua-dua mazhab berbeza pandangan tentang tempoh pemerolehan nafkah oleh anak lelaki. Ulama Mazhab Hanafi berpendapat bahawa anak lelaki berhak memperoleh nafkah sehingga mencapai umur yang membolehkannya bekerja sekalipun ia masih belum mencapai umur baligh.²² Namun demikian, mereka tidak menetapkan tahap umur tertentu sebagai umur bekerja. Mazhab Maliki berpendapat bahawa hak anak lelaki terhadap nafkah akan tamat apabila ia telah mencapai umur akil baligh,²³ iaitu 18 tahun. Sementara itu, ulama Mazhab Shafii tidak membezakan antara anak lelaki dengan anak perempuan. Hak mereka untuk mendapatkan nafkah akan tamat apabila mereka mencapai usia baligh, iaitu 15 tahun²⁴ disebabkan tidak ada perbezaan antara anak lelaki dan anak perempuan dalam takat keupayaan mereka untuk bekerja atau menyara hidup.²⁵

17 *Ibid.*, hlm. 36.

18 (2001) 14 JH (II) 179.

19 *Ibid.*, hlm. 218.

20 Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad ibn Abd al-Wahid al-Siwasi, *Sharh Fath al-Qadir*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1995/1415, Jilid 4, hlm. 371; Nizam & Muslim Scholars of India, *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1421H/2000, Jilid 1, hlm. 584-585; al-Shazali, Abi al-Hasan Ali ibn Nasir al-Din ibn Muhammad, *Kifayat al-Talib al-Rabbani li Risalah Ibn Zayd al-Qayrawani*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1417/1997, Jilid 2, hlm. 175.

21 Al-Sarakhsi, Jilid 5, hlm. 210.

22 Ibn al-Humam, Jilid 4, hlm. 371; Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar, *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*, Dar al-Thaqafah wa al-Turath, Damsyiq, 1421H/2000, Jilid 10, hlm. 600-01.

23 Al-Shazali, Jilid 2, hlm. 174.

24 Al-Mawardi, al-Imam Abi Hasan Ali, ibn Muhammad ibn Habib, *al-Hawi al-Kabir*, Dar al-Fikr, Beirut, 1414H/1994, Jilid 15, hlm. 84.

25 *Ibid.*

Ulama Mazhab Hanbali juga tidak menetapkan sebarang tempoh khusus bagi berakhirnya kelayakan anak-anak untuk mendapatkan nafkah. Mereka berhak mendapatkan nafkah selagi mereka miskin dan tidak memiliki pendapatan.²⁶

Oleh yang demikian, berdasarkan pandangan majoriti ulama dan dengan mengambil kira interpretasi mereka yang berbeza tentang umur baligh, apabila anak telah mencapai umur baligh, atau mencapai umur bekerja, maka mereka sudah tidak layak lagi menerima nafkah. Hukum ini terpakai kepada anak lelaki menurut Mazhab Hanafi dan Maliki; dan kedua-dua anak lelaki dan perempuan menurut Mazhab Shafii. Walau bagaimanapun, ketiga-tiga mazhab sepakat bahawa anak yang telah dewasa juga berhak mendapatkan nafkah sekiranya mereka tidak berkeupayaan untuk bekerja yang disebabkan penyakit kronik, atau kecacatan mental atau fizikal.²⁷ Hal ini demikian kerana keadaan ini menghalang mereka daripada bekerja dan mereka amat memerlukan sokongan serta bantuan daripada orang lain. Walau bagaimanapun, kecacatan fizikal bukanlah penghalang utama untuk mencari pendapatan kerana terdapat juga individu yang memiliki kecacatan fizikal yang bekerja. Oleh itu, jika anak yang cacat ini berkemampuan untuk memperoleh pendapatan dan menyara kehidupan, mereka akan dikecualikan daripada menerima nafkah.

Ulama Mazhab Hanafi dan Shafii seterusnya menegaskan bahawa anak yang sedang melanjutkan pengajian berhak mendapat nafkah jika mereka tidak mempunyai masa untuk bekerja.²⁸ Pendapat ini disokong sepenuhnya oleh ulama kontemporari yang menekankan bahawa kelayakan anak untuk memperoleh nafkah bergantung pada tahap pencapaian akademik mereka.²⁹ Pendapat ini ternyata kukuh dan bersesuaian dengan situasi kini. Pandangan ini bukan sahaja melindungi hak anak terhadap nafkah bahkan juga hak terhadap pendidikan. Walau bagaimanapun, pandangan ini tidak menyebut dengan jelas sehingga tahap manakah seseorang anak masih berkelayakan memperoleh nafkah. Kelihatannya, kelayakan ini harus dibataskan sehingga tamatnya pengajian pada peringkat ijazah pertama.

Di samping itu, ulama Mazhab Hanbali menegaskan bahawa bagi anak yang telah dewasa dan belum memperoleh pekerjaan, mereka masih layak untuk diberikan nafkah.³⁰ Pandangan ini merupakan pandangan ulama

26 Al-Bahuti, Jilid 5, hlm. 482.

27 Al-Sarakhsi, Jilid 5, hlm. 210; al-Shazali, Jilid 2, hlm. 174-75; al-Shirazi, Abi Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusuf al-Fyruz Abadi, *al-Muhadhdhab*, Dar Itha' al-Turath al-Arabi, Beirut, 1414/1994, Jilid 2, hlm. 213.

28 Ibn al-Humam, Jilid 7, hlm. 371; Nizam, Jilid 1, hlm. 584; al-Dimyati, al-Sayyid al-Bakri ibn al-Sayyid Muhammad Shata, *Hashiyah I'annah al-Talibin*, Dar al-Fikr, Beirut, 1422/2002, Jilid 4, hlm. 111.

29 Al-Ghundur, *al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Thasri' al-Islami*, hlm. 620; Sha'ban, *al-Ahkam al-Sha'iyyah li Ahwal al-Shakhsyiyah*, hlm. 687; al-Tantawi, Mahmud Muhammad, *al-Ahwal al-Shakhsyiyah fi al-Shati'ah al-Islamiyyah*, Matba'at al-Sa'adah, 1399H/1979, hlm. 468.

30 Ibn Muflih, Abi Ishaq Burhan al-Din Ibrahim ibn Muhammad, *al-Mubdi' Sharh al-Muqni'*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1418/1997, Jilid 7, hlm. 170.

Mazhab Maliki³¹ juga dan disokong oleh ulama kontemporari seperti al-Syalabi dan al-Zuhayli, yang menjelaskan bahawa ketidakmampuan untuk menyara kehidupan mungkin disebabkan kesukaran memperoleh pekerjaan akibat pengangguran.³² Meskipun pandangan ini boleh diterima tetapi hendaklah terpakai dalam situasi pekerjaan sukar diperoleh kerana dalam keadaan tersebut, anak tidak mempunyai sumber pendapatan untuk menyara diri sendiri.

Oleh yang demikian, anak sama ada yang masih di bawah umur atau yang telah dewasa, dan sama ada lelaki atau perempuan, selagi mereka tidak mempunyai harta dan tidak mampu menyara kehidupan, berhak dan layak untuk memperoleh nafkah. Ketidakmampuan ini sama ada disebabkan sesuatu penyakit, mempunyai masalah mental, mengalami kecacatan fizikal, atau juga kerana sedang mengikuti pengajian, atau menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan.

AUUKI memperuntukkan nafkah bagi anak lelaki sehingga mencapai umur lapan belas tahun melainkan bagi anak kurang upaya dan tidak mampu untuk menyara kehidupan. Bagi anak perempuan pula, nafkah yang diperuntukkan untuknya sehingga ia berkahwin. Peruntukan ini selari dengan pandangan Mazhab Maliki. Walau bagaimanapun, seseorang anak boleh memohon tempoh lanjutan bagi nafkah untuk tujuan melanjutkan pengajian peringkat tinggi atau mengikuti latihan.³³ Terdapat beberapa kes yang dapat memberikan gambaran secara jelas tentang hak nafkah bagi anak-anak yang masih mentah atau kecil. Sebagai contoh, dalam kes *Faridah lwn Mohd Firdaus @ Jentle Francis*,³⁴ plaintif menuntut nafkah untuk anak perempuannya yang berusia tiga belas tahun dan sepuluh tahun. Mahkamah Tinggi Syariah telah mengarahkan bapa mereka untuk membayar sebanyak RM100 sebulan kepada setiap anak melalui peguam plaintif. Dalam kes *Norazian lwn Khairul Azmi*,³⁵ plaintif menuntut nafkah sebanyak RM400 untuk dua orang anaknya yang berumur empat tahun dan tiga tahun yang berada di bawah jagaan beliau. Dalam kes ini, bapa bekerja sebagai eksekutif pemasaran dan memperoleh pendapatan sebanyak RM1340 sebulan. Mahkamah Tinggi Syariah menyatakan bahawa nafkah merupakan kewajipan bapa. Oleh itu, mahkamah telah memerintahkan bapa untuk membayar nafkah sebanyak RM200 untuk anak pertama, RM100 untuk anak kedua, dan RM50 untuk bayaran upah pengasuh, iaitu berdasarkan kemampuan bapa. Pembayaran mestilah di buat melalui Mahkamah Tinggi Syariah bermula Jun 1999.

31 Al-Nafrawi, Ahmad ibn Ghanim ibn Salim ibn Mahanna, *al-Fawakih al-Dawani*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1418/1997, Jilid 2, hlm. 111.

32 Al-Syalabi, *Ahkam al-Ushrah fi al-Islam*, hlm. 833; al-Zuhayli, Wahbah, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Edisi Keempat. Dar al-Fikr, Damsyiq, 1418H/1997, Jilid 10, hlm. 7413.

33 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Akta 303, Seksyen 78.

34 (2002) 15 JH(1) 25.

35 (2002) 15 JH(1) 65.

Terdapat beberapa kes yang menunjukkan bahawa mahkamah tidak membenarkan tuntutan nafkah bagi anak yang telah melepasi had umur layak memperoleh nafkah. Dalam kes *Jinah lwn Aziz*,³⁶ plaintif menuntut nafkah bagi lima orang anak sebanyak RM500 sebulan. Mahkamah telah membenarkan permohonan nafkah untuk tiga orang anak sahaja kerana dua orang lagi telah mampu untuk berdikari dan tidak lagi mengikuti pengajian. Walau bagaimanapun, jika anak yang menuntut nafkah ialah anak perempuan yang belum berkahwin dan masih mengikuti pengajian, permohonan untuk mendapatkan nafkah dibenarkan. Perkara ini boleh dilihat dalam kes *Faridah Hanim lwn Abd. Latiff*,³⁷ iaitu plaintif menuntut nafkah bagi tiga orang anaknya, seorang anak perempuan yang berumur 19 tahun dan dua orang anak lelaki yang berusia 14 dan 12 tahun. Selepas mempertimbangkan pendapatan bapa yang berjumlah antara RM2000-RM4000 sebulan dan mengambil kira keperluan anak-anak, mahkamah telah memerintahkan bapa untuk membayar sebanyak RM450 sebulan untuk anak pertama, RM350 sebulan untuk anak kedua, dan RM300 bagi anak ketiga. Di samping itu, Mahkamah juga memerintahkan bapa untuk membuat pembayaran bagi buku dan yuran kelas tambahan setiap tahun sebanyak RM400 dan RM800 untuk anak pertama, RM200 dan RM200 untuk anak kedua, dan RM200 dan RM100 untuk anak ketiga. Dalam kes ini, mahkamah juga telah membincangkan beberapa syarat yang melayakkan anak untuk memperoleh nafkah; iaitu anak yang tidak mempunyai harta dan tidak berkemampuan untuk memperoleh wang atau pendapatan; anak miskin, tidak mempunyai harta, dan tidak mampu mencari nafkah untuk menyara kehidupan. Mahkamah juga memberikan penekanan terhadap individu yang dianggap sebagai tidak berkeupayaan termasuklah anak kecil, atau anak yang berada di bawah umur baligh, anak perempuan yang belum berkahwin, dan anak yang sedang belajar.³⁸

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa anak-anak berhak memperoleh nafkah sehingga mereka mencapai usia lapan belas tahun, iaitu sekiranya mereka telah menamatkan pengajian. Sebaliknya, jika mereka masih belajar, mereka berhak memperoleh nafkah sehinggalah berjaya menamatkan pengajian ijazah pertama. Dalam hubungan ini, tiada perbezaan antara anak lelaki dengan anak perempuan kerana sama seperti lelaki, wanita pada hari ini berupaya mencari nafkah bagi menyara kehidupan.

KEWAJIPAN UNTUK MEMBERI NAFKAH KEPADA ANAK

Para fuqaha bersepakat bahawa individu utama yang bertanggungjawab untuk menanggung dan memberikan nafkah terhadap anak-anaknya ialah bapa. Bapa

36 (1989) 6 *JH*(11) 344.

37 (2006) 22 *JH*(1) 27.

38 *Ibid.*, hlm. 36.

bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberikan nafkah kepada anaknya dan tanggungjawab ini tidak dikongsi dengan orang lain.³⁹ Tanggungjawab ini didasarkan pada ayat 233, Surah al-Baqarah dan Hadis Nabi SAW dalam kisah Hind, isteri Abu Sufian, sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini. Tambahan pula, anak-anak dianggap sebagai sebahagian bapa, maka bapa berkewajipan menanggung anak-anak yang merupakan sebahagian dirinya, sama seperti ia menanggung dirinya sendiri.⁴⁰

Di Malaysia, tanggungjawab tersebut dinyatakan dalam seksyen 72(1) AUUKI yang menyatakan:

Kecuali jika sesuatu perjanjian atau perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seorang lelaki menanggung nafkah anak-anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain...⁴¹

Daripada peruntukan ini dapat difahami bahawa perkataan lelaki dalam klausa yang disebut tidak membawa maksud lain selain bapa kerana tercatat perkataan “anak-anaknya”. Selain itu, peruntukan ini juga jelas menetapkan bahawa bapa bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah bagi anaknya, tanpa mengira sama ada mereka berada di bawah jagaannya atau orang lain. Seterusnya, peruntukan ini menekankan bahawa kewajipan bapa terhadap anaknya tidak akan terhenti meskipun selepas berlakunya pembubaran perkahwinan, dan anaknya tidak berada dalam jagaannya tetapi dalam jagaan bekas isteri atau saudara-mara yang lain. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa buah kes. Sebagai contoh, dalam kes *Mansor Iwn Che Ah*,⁴² mahkamah memutuskan bahawa bapa bertanggungjawab untuk menanggung anak-anaknya dan dengan demikian, memerintahkan supaya bapa menyediakan nafkah bagi tiga orang anak yang hak penjagaan mereka telah diberikan kepada ibu. Sementara itu, dalam kes *Darus Iwn Salma*,⁴³ meskipun telah ada persetujuan bahawa isteri tidak akan membuat sebarang tuntutan atas suami selepas berlaku perceraian, mahkamah memutuskan bahawa suami masih bertanggungjawab membayar nafkah kepada anak-anaknya. Keputusan ini telah diakui oleh ahli Lembaga Rayuan. Dalam

39 Al-Marginani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr, *al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*, Dar al-Salam, Kaherah, 1420H/2000, Jilid 3, hlm. 653; al-Hattab, Abi Abdullah Muhammad ibn Muhammad ibn Abd al-Rahman, *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar Khalil*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1416/1995, Jilid 6, hlm. 588; al-Imrani, Abi al-Husayn Yahya ibn Abi al-Khayr ibn Salim, *al-Bayan fi Madhhab al-Imam al-Shafi'i*, Dar al-Minhaj, Jeddah, 2000, Jilid 11, hlm. 245; al-Bahuti, Mansur ibn Yunus ibn Idris, *Kashshaf al-Qina'*, Dar al-Fikr, Beirut, 1402/1982, Jilid 5, hlm. 281. Ibn Qudamah, Jilid 7, hlm. 389.

40 Al-Sarakhsi, Abi Bakr Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahal, *al-Mabsut*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1421H/2001, Jilid 5, hlm. 210; al-Imrani, Jilid 11, hlm. 245; al-Bahuti, Jilid 5, hlm. 281. Ibn Qudamah, Jilid 7, hlm. 389.

41 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, s. 72(1).

42 (1975) 2 *JH* 261.

43 (1969) 3 *JH* 117.

kes *Sanisah lwn Zulkifli*,⁴⁴ plaintif menuntut nafkah anak sebanyak RM450 sebulan. Selepas meneliti gaji bapa yang berjumlah RM1300 sebulan dan mengambil kira hakikat bahawa bapa berkewajipan menanggung anak-anaknya, mahkamah memerintahkan bapa untuk membayar nafkah sebanyak RM150 sebulan. Dalam kes *Roslaili lwn Ahmad Azman*,⁴⁵ plaintif memohon nafkah bagi tiga orang anak lelaki yang berusia empat belas, sepuluh, dan lapan tahun. Mahkamah Syariah memutuskan bahawa bapa tertakluk di bawah undang-undang Islam dan dengan itu, memerintahkan bapa berkenaan untuk membayar nafkah sebanyak RM300 sebulan untuk ketiga-tiga orang anak, selain peruntukan untuk pendidikan, serta sambutan hari raya. Kes yang dinyatakan ini menggambarkan bahawa bapa bertanggungjawab untuk menanggung anak-anaknya meskipun hubungan perkahwinan tidak lagi wujud.

SEJAUH MANAKAH TANGGUNGJAWAB BAPA TERHADAP NAFKAH

Perbincangan ini telah membuktikan bahawa bapa pada dasarnya bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah kepada anak-anaknya. Persoalan selanjutnya yang timbul ialah sama ada bapa benar-benar terikat dengan tanggungjawab ini dan setakat manakah tanggungjawab tersebut perlu dilaksanakan? Sekali lagi fuqaha berbeza pendapat tentang perkara ini dan secara umumnya, terdapat dua pendapat utama. Ulama' Mazhab Hanafi menegaskan bahawa dari sudut undang-undang, bapa bertanggungjawab menyediakan nafkah kepada anak-anaknya selagi ia berkemampuan untuk memperoleh pendapatan bagi menyara kehidupan. Berdasarkan pendapat ini, kekayaan tidak menjadi syarat bagi tanggungjawab yang dipikul oleh bapa.⁴⁶ Pemberian nafkah kepada anaknya yang memerlukan dan tidak berkeupayaan adalah sama kedudukannya dengan tindakan bapa berkenaan untuk menjaga dirinya sendiri disebabkan anak merupakan sebahagian kehidupannya.⁴⁷ Sekiranya ia miskin tetapi berkeupayaan untuk bekerja, tanggungjawab menyediakan nafkah tidak akan dipindahkan kepada ahli keluarga yang lain. Dalam situasi ini, sekiranya ibu atau bapa sebelah bapa (datuk) berharta atau berada, maka nafkah akan disediakan oleh mereka buat sementara waktu. Nafkah yang diberikan itu dianggap sebagai hutang dan akan dibayar oleh bapa apabila ia memiliki harta atau berkemampuan.⁴⁸ Tanggungjawab bapa untuk memberikan nafkah kepada anak-anaknya tidak akan terhenti melainkan jika ia tidak mampu bekerja disebabkan menghidap

44 (2002) 15 *JH*(11) 197.

45 (2006) 21 *JH*(1) 101.

46 Al-Sarakhsi, Jilid 5, hlm. 211; Ibn al-Humam, Jilid 4, hlm. 371.

47 Al-Sarakhsi, Jilid 5, hlm. 210.

48 *Ibid.*

penyakit kronik, atau mengalami kecacatan mental dan fizikal.⁴⁹ Selagi bapa mempunyai keupayaan untuk bekerja, ia perlu bekerja untuk memperoleh pendapatan supaya dapat menyara diri dan juga ahli keluarganya. Jika bapa berkenaan enggan bekerja, ia boleh dipaksa untuk bekerja atau jika tidak, ia boleh dipenjarakan.⁵⁰

Majoriti ulama' Mazhab Maliki, Shafii, dan Hanbali sebaliknya berpendapat bahawa bapa hanya bertanggungjawab untuk menyediakan nafkah kepada anak-anaknya jika ia berkemampuan dan berada. Dalam keadaan ini, sama ada bapa memiliki harta atau berkemampuan untuk mencari nafkah. Menurut pendapat jumur ini, berada bermaksud bapa mempunyai lebihan, sama ada daripada harta atau pendapatannya, selepas ia menyediakan nafkah untuk diri dan isterinya⁵¹ bagi tempoh sehari dan semalam.⁵² Jika ia tidak mempunyai lebihan tersebut, maka ia tidak dipertanggungjawabkan untuk memberikan nafkah kepada anak-anaknya kerana kewajipan seseorang untuk memberikan nafkah kepada orang lain tertakluk pada keupayaannya. Walau bagaimanapun, Mazhab Shafii dan Hanbali bersetuju dengan pendapat Mazhab Hanafi bahawa bapa boleh dipaksa untuk bekerja jika ia berkeupayaan untuk berbuat demikian, bagi meneruskan kehidupan atau menyelamatkan nyawanya serta nyawa anak-anaknya kerana anak-anaknya merupakan sebahagian dirinya.⁵³ Ulama Mazhab Shafii seterusnya menekankan bahawa jika tiada cara lain lagi dan sekiranya bapa mempunyai lebihan daripada hartanya sama ada harta alih atau tak alih, maka harta tersebut akan dijual untuk membolehkan bapa menyediakan nafkah kepada anak-anaknya. Hal ini demikian kerana dalam situasi ini beliau dianggap sebagai berada disebabkan mempunyai harta yang berlebihan daripada keperluannya.⁵⁴

Perbincangan ini menunjukkan bahawa majoriti fuqaha berpendapat bahawa tanggungjawab bapa untuk menyediakan nafkah kepada anaknya adalah wajib. Selagi bapa memiliki lebihan harta dan berkeupayaan untuk bekerja, ia bertanggungjawab untuk berbuat demikian. Tanggungjawab ini tidak akan terhenti dengan sendirinya melainkan dan sehingga si bapa jatuh miskin serta tidak mampu untuk mencari nafkah disebabkan kecacatan fizikal dan mental. Dalam keadaan ini, tanggungjawab untuk menyediakan nafkah akan berpindah kepada orang lain.

49 *Ibid*

50 Ibn al-Humam, Jilid 4, hlm. 371.

51 Muhammad Ulaysh, Muhammad ibn Ahmad, *Minah al-Jalil Sharh ala Mukhtasar al-Allamah Khalil*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1424/2003, Jilid 3, hlm. 246; al-Hattab, Jilid 6, hlm. 588.

52 Al-Nawawi, *Rawdat al-Talibin*, Edisi Ketiga, al-Maktab al-Islami, Beirut, 1412/1991, Jilid 9, hlm. 83; Ibn Najjar, Taqiy al-Dain Muhammad ibn Ahmad al-Futuhi, *Muntaha al-Iradat*, Mu'assasah al-Risalah, 1419/1999, Jilid 4, hlm. 460.

53 Al-Bahuti, Jilid 5, hlm. 481.

54 Al-Imrani, Jilid 11, hlm. 252-52.

AUUKI tidak menetapkan tahap tanggungjawab seorang bapa untuk menyediakan nafkah bagi anak-anaknya melainkan berdasarkan kemampuan beliau semata-mata. Untuk tujuan itu, AUUKI menyediakan kaedah penilaian jumlah nafkah yang disediakan berdasarkan kemampuan dan kedudukan bapa.⁵⁵ Walau bagaimanapun, terdapat peruntukan yang memberikan kuasa kepada mahkamah untuk mengeluarkan perintah bayaran nafkah dalam beberapa keadaan, seperti jika bapa enggan atau telah mengabaikan tanggungjawab untuk menyediakan nafkah yang berpatutan dan munasabah; juga jika suami telah meninggalkan isterinya dan anak berada dalam jagaan isteri; atau prosiding bagi hal perkahwinan sedang berjalan dan belum selesai. Dalam kes *Khalid lwn Halimah*,⁵⁶ plaintif menuntut nafkah bagi empat orang anaknya. Bapa ialah seorang peniaga yang menjalankan perniagaan dengan modal kerja sebanyak RM60 000 manakala ibu bekerja sebagai seorang guru yang memperoleh pendapatan sebanyak RM700 sebulan. Bapa telah membayar sebanyak RM100 sebulan sebagai nafkah anak-anak. Yang Arif Ketua Hakim telah memerintahkan suami untuk membayar sebanyak RM170 sebulan. Suami telah membuat rayuan dan ahli Lembaga Rayuan telah mengurangkan pembayaran kepada RM120 sebulan sehingga anak-anak mampu berdikari dan menyara diri mereka sendiri. Dalam kes *Wan Abdul Hamid lwn Maimunah*,⁵⁷ plaintif menuntut nafkah untuk tiga orang anaknya sebanyak RM100 sebulan. Suami bekerja sebagai penoreh getah dan bekas isterinya mendakwa bahawa bekas suaminya itu memperoleh pendapatan sebanyak RM300 sebulan. Sebaliknya, bekas suaminya itu mendakwa bahawa gajinya hanya berjumlah RM100 sahaja sebulan. Kedua-dua pihak tidak pula mengemukakan sebarang saksi berhubung dengan perkara ini. Dalam kes ini, Yang Arif Hakim telah menilai anggaran nafkah sebanyak RM1 sehari dan memerintahkan suami membayar sebanyak RM90 sebulan. Pihak suami selanjutnya mengemukakan rayuan. Lembaga Rayuan akhirnya memerintahkan suami untuk bersumpah dan jika ia berbuat demikian, Yang Arif Ketua Hakim perlu mengubah perintah daripada RM90 kepada RM60. Jika ia enggan bersumpah, perintah sebelumnya akan dikekalkan.

Dalam kes *Zawiyah lwn Ruslan*,⁵⁸ plaintif menuntut nafkah sebanyak RM100 untuk anak perempuannya yang berusia tiga tahun. Yang Arif Ketua Hakim memutuskan bahawa sudah menjadi kewajipan dan tanggungjawab bapa untuk menyediakan nafkah bagi anaknya. Walau bagaimanapun, kewajipan ini bergantung pada kemampuan bapa. Dalam kes ini, bapa tidak bersetuju dengan jumlah yang ditetapkan kerana beliau hanya bekerja sebagai kerani yang memperoleh pendapatan sebanyak RM670 sebulan termasuk elaun sebanyak RM45. Tiada bukti yang menunjukkan

55 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, s. 72(1).

56 (1980) 1 *JH* (1) 69.

57 (1980) 1 *JH* (1) 71.

58 (1980) 1 *JH*(2) 102.

bahawa beliau mempunyai tanggungan lain atau hutang yang tidak dibayar sebagaimana yang ditegaskan. Mahkamah kemudian memerintahkan bapa untuk membayar nafkah sebanyak RM45 untuk anak perempuannya. Dalam kes *Wan Tam lwn Ismail*,⁵⁹ Ketua Hakim telah memerintahkan suami untuk membayar sebanyak RM250 sebulan sebagai nafkah dua orang anak selain bayaran untuk buku teks sekolah. Suami ternyata berkemampuan dan telah bersetuju untuk membayar nafkah. Dalam kes *Mohamed lwn Selamah*,⁶⁰ plaintif menuntut nafkah untuk dua anaknya sebanyak RM90 sebulan. Bapa menegaskan bahawa beliau hanya memperoleh sebanyak RM170 sahaja sebulan. Yang Arif Hakim telah memerintahkannya untuk membayar sebanyak RM70 dan ia membuat rayuan. Lembaga Rayuan telah mengurangkan bayaran kepada RM35 untuk anak yang sulung dan RM25 untuk anak kedua.

Walau bagaimanapun, dalam kes *Azura lwn Mohd Zulkefli*,⁶¹ Mahkamah Syariah telah memerintahkan pembayaran nafkah sebanyak RM150 sebulan bagi setiap dua orang anak perempuan selepas mengambil kira keupayaan bapa serta keperluan anak-anak tersebut. Mahkamah juga membincangkan syarat nafkah bagi anak yang meliputi keupayaan bapa dan ketidakmampuan anak untuk bekerja bagi menyara kehidupan.⁶² Dalam kes *Azizan lwn Maharum*,⁶³ Mahkamah Tinggi Syariah telah memerintahkan pemohon untuk membayar nafkah sebanyak RM1000 sebulan kepada empat orang anak beliau melalui potongan gaji bermula Januari 2000. Pada Disember 1999, gaji pemohon berkurangan akibat pertukaran kerjaya dan pada masa yang sama, beliau dikurniai seorang cahaya mata daripada perkahwinan keduanya. Pemohon telah mengemukakan permohonan untuk perubahan perintah nafkah bagi anaknya. Mahkamah telah membenarkan perubahan perintah itu dan mengurangkan pembayaran kepada RM900 sebulan.

Dalam kes *Mohd Hassan lwn Siti Sharidza*,⁶⁴ perayu membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Syariah yang menolak rayuannya untuk mengubah perintah nafkah oleh Mahkamah Rendah Syariah yang mengarahkan supaya beliau membayar nafkah sebanyak RM1100 kepada tiga orang anak yang berusia sembilan, tujuh, dan empat tahun. Dengan mempertimbangkan bahawa anak-anaknya yang masih kecil dan nafkah yang diperintahkan adalah mencukupi, maka Mahkamah Rayuan telah memerintahkan pemohon untuk membayar sebanyak RM300 untuk anak perempuan pertama dan RM200 setiap satu untuk anak kedua dan ketiga setiap bulan. Pembayaran akan dibuat melalui potongan gaji.

59 (1985) 8 *JH* 55.

60 (1980) 2 *JH* 95.

61 (2001) 14 *JH* (II) 179.

62 *Ibid.*, hlm. 218.

63 (2002) 15 *JH*(I) 13.

64 (2004) 18 *JH*(II) 269.

Dalam kes *Wan Mohd Kamil lwn Rosliza @ Mazwani*,⁶⁵ mahkamah telah memerintahkan pemohon untuk membayar sebanyak RM200 sebulan bagi nafkah anak perempuannya yang berada di bawah jagaan ibu berdasarkan kemampuannya sehingga terdapat perintah lain daripada mahkamah. Mahkamah juga memerintahkan bapa untuk menanggung semua kos perbelanjaan pendidikan bagi anak tersebut. Adakalanya, mahkamah akan memerintahkan pembayaran nafkah berdasarkan persetujuan yang dibuat oleh pihak-pihak. Perkara ini dapat dilihat dalam kes *Rodziah lwn Badrol*⁶⁶ apabila mahkamah mengeluarkan perintah bayaran nafkah bagi dua orang anak sebanyak RM30, iaitu berdasarkan persetujuan yang diberikan oleh pihak-pihak.

KOMPONEN NAFKAH ANAK

Berdasarkan apa-apa yang telah dibincangkan secara meluas dan umum oleh sarjana Islam klasik dan kontemporari, pada asasnya nafkah terdiri daripada tiga keperluan asas yang penting, iaitu makanan, pakaian, dan tempat tinggal.⁶⁷ Walau bagaimanapun, sesetengah ulama Mazhab Hanafi dan Shafii menegaskan bahawa peruntukan nafkah untuk anak hendaklah turut merangkumi anak yang sedang mengikuti pengajian.⁶⁸ Hal ini menunjukkan bahawa pendidikan juga merupakan salah satu komponen penting nafkah. Selain itu, al-Syarbini⁶⁹ dan al-Ramli⁷⁰ daripada Mazhab Shafii berpendapat bahawa nafkah hendaklah juga mencakupi kos rawatan dan perubatan.⁷¹

Di Malaysia, meskipun tidak terdapat definisi yang jelas tentang komponen nafkah anak-anak, undang-undang mengambil kira unsur yang telah dinyatakan sebelum ini. Sebagai contoh, seksyen 72(1) Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 menyatakan bahawa:

“Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya

65 (2006) 21 *JH* (1) 135.

66 (1981) 4 *JH* 128.

67 Lihat Ibn Nujaym, Zayn al-Din ibn Ibrahim ibn Muhammad, *al-Bahr al-Ra'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1418H/1997, Jilid 4, hlm. 293; Lihat juga Taj, Abd al-Rahman, *al-Shari'ah al-Islamiyyah fi al-Ahwal al-Sakhsiiyyah*, Edisi Kedua, Matba'ah Dar al-Ta'lif, Mesir, 1372/1952, hlm. 215; Dan lihat juga Al-Ghundur, Ahmad, *al-Ahwal al-Shakhsiiyyah fi al-Thasri' al-Islami*, hlm. 424.

68 Ibn al-Humam, Jilid 7, hlm. 371; Nizam, Jilid 1, hlm. 584; al-Dimyati, *Hashiyah l'annah al-Talibin*, Jilid 4, hlm. 111.

69 Al-Syarbini ialah seorang ulama Mazhab Shafii yang hidup pada kurun ke 10 Hijrah bersamaan dengan kurun ke-16 Masihi yang meninggal pada tahun 977H/1569M.

70 Al-Ramli juga salah seorang ulama Mazhab Shafii yang hidup pada kurun ke-10 dan ke-11 Hijrah bersamaan dengan kurun ke-16 Masihi yang meninggal pada awal kurun ke-11 Hijrah, iaitu pada tahun 1004H/1596 M.

71 Al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad ibn al-Khatib, *Mughni al-Muhtaj*, Dar al-Fikr, Beirut, 1421/2001, Jilid 3, hlm. 571; al-Ramli, Shams al-Din Muhammad ibn Shahab al-Din, *Nihayat al-Muhtaj*, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, 1414/1993, Jilid 7, hlm. 218.

atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan, dan pelajaran, sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya, atau dengan membayar kosnya.”

Dalam kes *Rasnah lwn Safri*,⁷² plaintif memohon nafkah untuk dua orang anak lelakinya sebanyak RM300 seorang. Selepas mengambil kira gaji bapa dan keadaan beliau yang mampu untuk berkahwin semula, mahkamah memerintahkan supaya bapa membayar sebanyak RM250 sebulan untuk anak yang sulung dan RM200 sebulan untuk anak yang bongsu. Di samping itu, mahkamah juga memerintahkan bapa untuk membayar sebanyak RM200 setahun bagi setiap anak untuk perbelanjaan pendidikan dengan tambahan sebanyak RM250 untuk sambutan hari raya bagi anak sulung dan RM200 untuk anak yang kedua. Begitu juga dalam kes *Maimunah lwn Ahmad*,⁷³ plaintif menuntut nafkah sebanyak RM1000 sebulan untuk dua orang anaknya yang masing-masing berusia lima belas dan empat tahun. Selepas menimbangkan bahawa nafkah adalah wajib atas bapa dan selepas mengambil kira pekerjaan bapa sebagai juruteknik, mahkamah telah memerintahkan bapa untuk membayar sebanyak RM350 sebulan kepada anak yang sulung dan RM200 untuk anak yang kedua. Mahkamah juga memerintahkan bapa untuk menyediakan bayaran bagi tujuan pendidikan serta sambutan hari raya. Dalam kes *Hasanah lwn Ali*,⁷⁴ Mahkamah Syariah berpendapat bahawa sudah menjadi kewajipan bapa untuk menanggung anak-anaknya dan memerintahkan beliau membayar sebanyak RM300 bagi kos tempat tinggal, makanan, pakaian, rawatan perubatan, dan pendidikan anak-anak.

Perbincangan ini menunjukkan bahawa nafkah terhadap anak-anak tidak hanya terbatas pada makanan, pakaian, dan tempat tinggal sahaja, bahkan turut meliputi rawatan perubatan, ubat-ubatan, dan pendidikan, disebabkan kesemuanya dianggap sebagai keperluan dan penting dalam kehidupan hari ini. Walau bagaimanapun, peruntukan berkenaan dengan nafkah ini tertakluk pada keupayaan bapa atau individu atau pihak yang dipertanggungjawabkan selepas bapa.

KESIMPULAN

Undang-undang Islam (syariah) telah menggariskan peranan seorang bapa dalam menyediakan nafkah untuk anak-anaknya secara jelas. Peranan dan tugas yang digariskan untuk menyediakan nafkah menjelaskan bahawa syariah Islam menekankan tanggungjawab bapa dalam melindungi kepentingan anak

72 (2002) 15 *JH*(II) 189.

73 (2005) 20 *JH*(II) 270.

74 (1999) 13 *JH*(2) 159.

terhadap nafkah yang merupakan tanggungjawab dalam agama, terutamanya dalam keadaan mereka tidak mempunyai harta atau tidak berupaya untuk menyara kehidupan. Pada masa yang sama, undang-undang Islam juga melindungi hak mereka terhadap pendidikan. Seterusnya, kepentingan dan hak anak kurang upaya juga turut diberikan perlindungan dan jaminan. Sungguhpun di Malaysia, sudah terdapat peruntukan tentang nafkah anak dalam Enakmen Negeri-negeri, masih lagi terdapat kekurangan peruntukan undang-undang Islam yang jelas tentang sejauh manakah tanggungjawab bapa dalam menyediakan nafkah anak. Satu peruntukan undang-undang yang lebih jelas tentang tanggungjawab bapa terhadap nafkah anak dalam keluarga dirasakan amat perlu dan penting diwujudkan bagi melindungi hak anak terhadap nafkah. Bagi merealisasikan keperluan perundangan tersebut, peruntukan ini mestilah dimasukkan dalam Akta dan Enakmen Negeri-negeri sebagai tambahan kepada peruntukan yang sedia ada. Semoga dengan itu, bapa dan kaum kerabat yang berperanan dalam menunaikan tanggungjawab agama ini akan lebih memahami dengan jelas akan tanggungjawab mereka dalam memberikan nafkah kepada anak-anak demi menjamin masa depan mereka yang cemerlang.

RUJUKAN

- Abd al-Karim Zaydan, 1981/1401. *'Usul al-da'wah*. Dar al-Kutub al-'Arabiyyah, t.t.p.
- Ala'eddin Kharofa, t.t.. *Islamic Family Law: A Comparative Study With Other Religions*. Kuala Lumpur: International Law Book Services.
- Al-Bahuti, Mansur ibn Yunus ibn Idris, 1402/1982. *Kashshaf al-Qina'*. Jilid 5. Beirut Lebanon: Dar al-Fikr.
- Al-Dimyati, al-Sayyid al-Bakri ibn al-Sayyid Muhammad Shata, 1422/2002. *Hashiyah I'annah al-Talibin*. Jilid 4, Beirut Lebanon: Dar al-Fikr.
- Al-Ghundur, Ahmad, 1413H/1992. *Al-Ahwal al-Shakhsiiyyah fi al-Thasri' al-Islami*. Edisi 4. Kuwait: Maktabat al-Fallah.
- Al-Hattab, Abi Abd Allah Muhammad ibn Muhammad ibn Abd al-Rahman, 1416/1995. *Mawahib al-Jalil li Sharh Mukhtasar Khalil*. Jilid 6. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Imrani, Abi al-Husayn Yahya ibn Abi al-Khayr ibn Salim. t.t. *al-Bayan fi Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Jilid 11. t.p.: Dar al-Minhaj.
- Al-Marghinani, Burhanuddin Ali ibn Abi Bakr, 1420H/2000. *Al-Hidayah Sharh Bidayat al-Mubtadi*. Jilid 3, Cairo Egypt: Dar al-Salam.

- Al-Mawardi, al-Imam Abi Hasan Ali, ibn Muhammad ibn Habib, 1416/1995. *Al-Hawi al-Kabir*. Jilid 15. Beirut Lebanon: Dar al-Fikr.
- Al-Nafrawi, Ahmad ibn Ghanim ibn Salim ibn Mahanna, 1418/1997. *Al-Fawakih al-Dawani*. Jilid 2. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, 1412/ 1991. *Rawdat al-Talibin*. Edisi 3. Beirut Lebanon: al-Maktab al-Islami.
- Al-Qurtubi, Abu Abd Allah Muhammad ibn Ahmad al-Ansari, 1416H/1995. *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*. Jilid 3. Beirut; Dar Ihya’ al-Turrath al-Arabi.
- Al-Sarakhsi, Abi Bakr Muhammad ibn Ahmad ibn Abi Sahal, 1421H/2001. *Al-Mabsut*. Jilid 5. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Shazali, Abi al-Hasan Ali ibn Nasir al-Din ibn Muhammad, 1417/1997. *Kifayat al-Talib al-Rabbani li Risalah Ibn Zayd al-Qayrawani*. Jilid 2. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shirazi, Abi Ishaq Ibrahim ibn Ali ibn Yusuf al-Fyruz Abadi, 1414/1994. *Al-Muhadhdhab*. Jilid 2. Beirut Lebanon: Dar Ihya’ al-Turrath al-Arabi.
- Al-Tantawi, Mahmud Muhammad, 1399/1979. *Al-Ahwal al-Shakhsiyyah fi al-Shati’ah al-Islamiyyah*. Matba’at al-Sa’adah.
- Al-Zayla’i, Fakhrudin Uthman ibn Ali, 1420H/2000. *Tabyin al-Haqa’iq Sharh Kanz al-Daqa’iq*. Jilid 3. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Zarkashi, Shams al-Din Muhammad ibn Abd Allah, 1413/1993. *Sharh al-Zarkhshi ala Mukhtasar al-Khiraqi*. Jilid 6. Riyad: Maktabah al-Abikan.
- Badruddin Hj Ibrahim & Azizah Mohd., “Parental Rights to Maintenance Under Islamic Law” dlm. *ShLR*, (4), 2007.
- Hans Wehr, 1980. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. J Milton Cowan (ed.), Library Du Liban, Beirut.
- Ibn Abidin, Muhammad Amin ibn Umar, 1421H/2000. *Radd al-Mukhtar ala al-Durr al-Mukhtar*. Jilid 10. Damascus Syria: Dar al-Thaqafah wa al-Turrath.
- Ibn al-Humam, Kamal al-Din Muhammad ibn Abd al-Wahid al-Siwasi, 1415/1995. *Sharh Fath al-Qadir*. Jilid 4. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Muflih, Abi Ishaq Burhan al-Din Ibrahim ibn Muhammad, 1418/1997. *Al-Mubdi’ Sharh al-Muqni’*. Jilid 7. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muhammad Ulaysh, Muhammad ibn Ahmad, 1424/2003. *Minah al-Jalil Sharh ala Mukhtasa al-Allamah Khalil*. Jilid 3. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Nizam & Muslim Scholars of India, 1421H/2000. *Al-Fatawa al-Hindiyyah*. Jilid 1. Beirut Lebanon: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Qadi Zadah Afandi, Shams al-Din Ahmad ibn Qudir, t.t. *Nataij al-Afkar fi Kashf al-Rumuz wa al-Asrar (Takmilah fath al-qadir)*, Jilid 9.

Wahbah al-Zuhaily, 1998/1419. *Al-Wasaya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*. Edisi Semakan. Damshiq: Dar al-Fikr.

Zakiy al-Din Sha'ban, 1993. *Al-Ahkam al-Sha'iyyah li Ahwal al-Shakhsiyyah*. Edisi. Benghazi Libya: Qaryunus University.